

Dewan Rakyat: Penduduk Wilayah Persekutuan paling ramai kemurungan

Oleh MOHD RASDAN AHMAD

8 Mac 2023, 2:01 pm

KUALA LUMPUR – Wilayah Persekutuan merupakan kawasan paling ramai penduduknya mengalami masalah kemurungan (anxiety) dengan 336,900 orang dikesan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) berdasarkan keputusan saringan.

Menurut Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, perkara tersebut diketahui selepas saringan dilakukan pada tahun lepas ternyata penduduk Wilayah Persekutuan merangkumi kawasan Kuala Lumpur, Putrajaya serta Labuan paling ramai menghidap anxiety.

“Dalam keputusan itu, kita dapatti negeri yang tertinggi dengan masalah kemurungan dan anxiety ini adalah di Wilayah Persekutuan. Orang Wilayah ini ada banyak masalah.

“Antara puncanya adalah masalah perhubungan serta tekanan dari ibu bapa serta perhubungan dengan rakan sebaya dan mungkin dengan tema, itu adalah antara sebab-sebab mereka yang mengalami masalah kemurungan dan anxiety,” ujarnya di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Mohd. Sany Hamzan (PH – Hulu Langat) yang ingin tahu negeri manakah yang menghadapi masalah gangguan mental di negara ini.

Menurut Dr. Zaliha lagi, antara sebab-sebab lain masalah perhubungan di mana ada ibu bapa yang mahukan anaknya menjadi menteri. berlakunya kemurungan itu adalah kerana masalah kos sara hidup yang tinggi dihadapi oleh warga kota terutama dalam kalangan B40.

Katanya lagi, KKM telah mengambil pelbagai langkah untuk mengatasi permasalahan kesihatan mental yang dialami oleh masyarakat khususnya bagi kumpulan sasar termasuk kanak-kanak remaja, golongan muda dan warga emas.

Tambah beliau, sebanyak 1,161 Klinik Kesihatan, 58 buah hospital, 34 buah Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI), dan empat institusi mental telah disediakan meliputi aspek promosi, pencegahan, pengesanan awal dan rehabilitasi.

Jelasnya, KKM juga telah mengadakan kolaborasi dengan kementerian lain iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

“KKM juga melaksanakan Kempen Let’s Talk Minda Sihat yang merupakan satu smart partnership melibatkan agensi kerajaan serta pihak badan bukan kerajaan (NGO) dalam mempromosikan penjagaan kesihatan mental,” jelasnya.
– KOSMO! ONLINE.